



16 OCT, 2025

Kawasan sekitar KL, Petaling Jaya bergelap

Berita Harian, Malaysia



Kawasan sekitar KL, Petaling Jaya bergelap

Insiden di Stesen Penjana Bebas jadi punca gangguan bekalan elektrik

Oleh Nor Azizah Mokhtar dan Suharmin Yusuf
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Beberapa kawasan sekitar Kepong, Petaling Jaya dan ibu negara terjejas akibat gangguan bekalan elektrik petang semalam.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam kenyataan memaklumkan, gangguan berpunca daripada insiden di Stesen Penjana Bebas, Edra Power Plant, Melaka.

“Kesabaran anda amat kami hargai dan segala kesulitan amat dikesali,” katanya.

Menurut TNB, setakat jam 5.30 petang semalam, bekalan dipulihkan di Kota Damansara, Sri Hartamas, Danau Desa, SPPK Cheras, Ampang, Bukit Jalil, Sri Damansara, Kota Puteri dan Pasir Gudang Darat.



Penduduk Lembah Klang mengalami gangguan elektrik tular di media sosial.

(Foto ihsan pembaca)

“Untuk melaporkan gangguan bekalan, orang ramai boleh menghubungi TNB melalui SARA Chatbot di mytnb.com.my, talian 15454, mesej peribadi di Facebook TNB Careline, mesej terus di X @Tenaga_Nasional atau e-mel ke tnbcareline@tnb.com.my,” katanya.

Operasi MRT, LRT tak terjejas

Sementara itu, semua perkhidmatan rel Rapid KL beroperasi seperti biasa tanpa sebarang gangguan, susulan bekalan elektrik terputus di beberapa kawasan di Lembah Klang.

Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) dalam kenyataan memaklumkan, setakat jam 5 petang semalam, semua laluan rel termasuk Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT) dan Monorel beroperasi seperti biasa.

“Berikutan gangguan bekalan elektrik di beberapa lokasi di Lembah Klang, Rapid KL ingin mengesahkan bahawa setakat jam 5.00 petang, semua perkhidmatan rel tidak mengalami sebarang gangguan dan beroperasi seperti biasa.

“Sila ikuti media sosial Rapid KL untuk mendapatkan status terkini mengenai perkhidmatan Rapid KL,” katanya.